

♠♠♠MAJLIS PENYERAHAN BAS DAN SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-111

SEKOLAH TINGGI MUAR♠♠♠

15/03/2013

SEKOLAH TINGGI MUAR MUAR, JOHOR DARUL TAKZIM

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya dapatlah kita bersama-sama dalam Majlis Penyerahan Bas Sekolah dan Sambutan Ulang Tahun ke-111 Sekolah Tinggi Muar. Terima kasih kepada Jawatankuasa pengelola kerana menjemput saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya menyempurnakan majlis pada hari ini.

2. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada warga Sekolah Tinggi Muar yang telah berjaya menjadikan impian untuk memiliki sebuah bas bagi kegunaan para pelajar dapat direalisasikan. Dengan kemudahan yang ada ini, pastinya aktiviti-aktiviti sekolah akan dapat ditingkatkan lagi dari aspek kurikulum mahupun kokurikulum.

3. Sesungguhnya untuk mendapatkan sesuatu bukanlah mudah, apatah lagi tanpa adanya sokongan dan kerjasama dari pelbagai pihak. Justeru, izinkan saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kewangan terutamanya Persatuan Alumni Sekolah Tinggi Muar di bawah pimpinan Tuan Haji Mohammad Dun Bin Mahmood yang membantu untuk menyediakan kemudahan ini bagi kegunaan pelajar Sekolah Tinggi Muar. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada Y. Bhg. Tan Sri Dato' Megat Najmuddin Bin Datuk Seri Megat Khas, Presiden Dan Pemegang Amanah Tan Sri Muhyiddin Charity Golf Foundation dan Y. Bhg. Dato' Jamelah Binti Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif, Kuwait Finance House yang bersama-sama membantu menyediakan kemudahan ini. Saya percaya, dengan komitmen yang tinggi warga Sekolah Tinggi Muar di bawah pimpinan Puan Hajah Siti Rumjah binti Banaji, Pengetua Cemerlang Sekolah Tinggi Muar, dan kerjasama Alumni serta PIBG, sekolah ini akan memanfaatkan sepenuhnya aset ini untuk kepentingan dan keperluan pelajar di sekolah ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

4. Saya difahamkan bahawa pada tahun ini Sekolah Tinggi Muar akan menyambut ulang tahun ke-111. Tahniah dan syabas saya ucapkan dan saya mendoakan agar sekolah ini akan terus melakar kejayaan demi kejayaan dan setanding dengan sekolah-sekolah cemerlang yang lain. Sebagai sekolah premier di Negeri Johor, saya amat berharap agar sekolah ini akan terus melonjakkan prestasi kecemerlangan dalam semua aspek supaya sekolah ini boleh diangkat ke tahap yang lebih tinggi. Pasukan 'brassband' yang telah ditubuhkan pada tahun 2010 juga diharapkan dapat menjadikan sekolah ini mempunyai kebitaraan yang boleh mengangkat Sekolah Tinggi Muar sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan dan seterusnya sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi pada satu hari nanti. Saya berkeyakinan penuh dengan kepimpinan Puan Pengetua hasrat ini akan tercapai terutamanya dengan sokongan padu semua pihak terutamanya

PIBG dan masyarakat setempat.

5. Semua sokongan yang diberikan oleh tuan / puan tidak lain dan tidak bukan adalah untuk melahirkan modal insan yang cemerlang dan seimbang dari segala aspek kehidupan. Inilah hasrat yang perlu didokong oleh semua rakyat agar negara maju yang terbentuk nanti mengikut acuan dan budaya kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Saya juga merakamkan ucapan tahniah di atas usaha sama Sekolah Tinggi Muar dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Muar kerana bersama-sama menjayakan Majlis Penyampaian Baucar Buku 1Malaysia kepada para pelajar tingkatan enam. Saya amat berterima kasih di atas usaha tersebut sehinggakan inisiatif kerajaan ini dapat direalisasikan. Saya amat mengharapkan agar inisiatif yang dirangka oleh pihak kerajaan untuk meringankan beban perbelanjaan pembelian buku pengajian kepada semua pelajar akan dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin. Gunakanlah bantuan yang diberikan ini untuk meningkatkan lagi horizon ilmu pengetahuan kita sebagai para pelajar. Selain itu, pemberian bantuan dalam bentuk baucar pembelian buku ini juga akan terus dapat memupuk minat rajin membaca dalam kalangan generasi muda.

7. Akhir kata, saya mendoakan agar sekolah ini terus mengorak langkah ke arah yang lebih tinggi, sehebat Maskot sekolah ini iaitu The Eager Eagle: Soaring To Heights Of Glory.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.